

NewspaperSG

S'pura hantar pesilat muda ke Pulau Pinang

Berita Harian, 22 December 2010, Page 15

 Article also available on Microfilm Reel NL3098: [Printer-Friendly Page](#)

S'pura hantar pesilat muda ke Pulau Pinang

Oleh : **SAPARIN RASIKIN** saparin@sph.com.sg

SINGAPURA akan menurunkan pesilat muda dalam Kejohanan Pencak Silat Terbuka Pulau Pinang selama empat hari mulai esok.

Kecuali Nurul Shafiqah Saiful, yang menyertai Kejohanan Pencak Silat Dunia di Jakarta minggu lalu, yang lain adalah pesilat daripada skuad remaja.

Menurut Persekutuan Silat Singapura (Persisi), ia mahu memberi pendedahan kepada pesilat muda yang sejajar dengan program jangka panjang mereka.

Shafiqah, yang memenangi pingat gangsa acara tanding Kelas B, hanya akan menyertai acara seni ganda puteri berganding dengan adiknya, Nurul Suhaila.

Ketua Pengarah Eksekutif Persisi, Sheik Alauddin Yaacob, menerangkan: "Terdapat banyak pertandingan antarabangsa, termasuk kejohanan undangan sepanjang tahun depan.

"Oleh itu, kami berpeluang mendedahkan lebih ramai pesilat, di samping tidak terlalu membebankan pesilat senior, yang turut menghadapi komitmen pekerjaan dan persekolahan.

"Pada masa yang sama, pendedahan serupa ini memberi peluang kepada kami memantau kemajuan pesilat remaja untuk memberi saingan kepada rakan-rakan senior mereka, terutama bagi pemilihan ke Sukan SEA di Indonesia."

Rombongan Singapura, yang diketuai Dzulfadly Md Jaffar sebagai pengurus pasukan dan jurulatih, berlepas tengah hari ini.

Berikut senarai pesilat ke Terbuka Pulau Pinang.

Lelaki – Tanding: Md Nashiran Ahmad Nizam (Kelas A), Syabil Marzuq Sulaiman (Kelas B), Sufyan Amirul Syafiq Gazali (Kelas F), Md Nurfahmi Faree (Kelas H).

Lelaki – Seni: Sheik Firdaus Sheik Alauddin dan Md Nur Juffrie (ganda putra).

Wanita – Tanding: Atiq Syazwani Roslan (Kelas A), Atiq Isnarti Roslan (Kelas B), Nurul Suhaila Saiful (Kelas C).

Wanita – Seni: Nurul Suhaila Saiful Nyurul Shafiqah Saiful (ganda puteri).